

| | |
|-----------|---------------|
| Newspaper | Berita Harian |
| Date | 3/11/2012 |

Sudan boleh contohi dasar mesra pelabur Malaysia

BH 3/11/2012

Khartoum: Malaysia boleh dijadikan contoh oleh Sudan dalam menggubal undang-undang dan dasar mesra pelabur dalam usahanya menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara itu, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, dasar yang mesra pelabur sangat penting bagi Sudan memandangkan ketiadaan dasar berkenaan menyebabkan pelabur asing khuatir dan ragu-ragu membuat pelaburan di negara kedua terbesar di benua Afrika itu.

"Sekarang Sudan sudah pun aman, peperangan antara selatan dan utara telah berakhir dan mereka telah menandatangani perjanjian untuk menjalin kerjasama.

Berpotensi membangun

"Dengan kestabilan ini dan mengambil contoh dasar yang digunakan di Malaysia, saya yakin negara ini berpotensi untuk tumbuh dengan pesat," katanya kepada wartawan Malaysia selepas menyampaikan ucapan di hadapan kira-kira 1,000 tetamu yang terdiri daripada pelajar universiti, ahli akademik dan ahli korporat serata Sudan, di sini, kelmarin.



Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada **perasmian Forum Perdagangan Malaysia Sudan** di Khartoum, kelmarin.

[FOTO BERNAMA]

Terletak di utara Afrika yang bersempadan dengan laut Merah antara Mesir dan Eritrea, ekonomi Sudan berpotensi dikembangkan, terutama dalam sektor pertanian memandang-

kan negara itu mempunyai banyak hasil ternakan dengan pengeluaran lebih 100 juta ekor lembu, kambing dan unta, setahun.

Dr Mahathir juga berkata

Malaysia boleh menawarkan kepakarannya dalam pengu- rusan, dengan mengambil FELDA sebagai contoh.

"Saya berpendapat satu da- ripadanya ialah Felda, me- mandangkan agensi itu mem- punyai tenaga kerja. Jika skim Felda diperkenalkan di sini, saya yakin ia akan membawa banyak manfaat kepada Su- dan," katanya.

Contohi FELDA

Sebelum ini, Pengerusi FELDA, Tan Sri Isa Samad pernah me- nyatakan hasrat Sudan yang berminat menjadikan tekno- logi serta konsep yang dilak- sanakan FELDA untuk mem- bangunkan bidang penana- man, khususnya untuk aktiviti komersial tanaman gam Arab di negara itu.

Kelmarin Dr Mahathir turut menyaksikan majlis menanda- tangani memorandum perse- fahaman (MoU) antara syar- ikat Sudan dan Malaysia dalam pelbagai sektor.

Sebanyak tujuh MoU ditan- datangani membabitkan syar- ikat Malaysia seperti Syarikat Pembangunan Buku Hijau Holdings Sdn Bhd, Mimos Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan FELDA.

BERNAMA